

Sembunyi dadah dalam sofa

Kastam sita dua kontena, rampas 626 kilogram amphetamine bernilai RM210j

Oleh Norzamilra Che Noh
bhnews@bh.com.my

Pelabuhan Klang: Cubaan sindiket pengedaran dadah antara-bangsa mengaburi mata pihak berkuasa dengan menyembunyikan dadah dalam sofa terbangkar apabila dua kontena dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), di Pelabuhan Barat dekat sini, awal bulan ini.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan/Pematuhan), Siti Mang berkata, pemeriksaan itu, sejumlah 626 kilogram pil captagon disyaki mengandungi dadah jenis amphetamine dirampas.

Katanya, semua dadah berkenaan yang diangkut bernilai RM210 juta itu disembunikan



Siti menunjukkan dadah yang disembunikan di dalam sofa pada sidang media di Ibu Pejabat JKDM, Pelabuhan Klang, semalam.

(Foto Faiz Anuar/BH)

dalam 23 sofa, tiga tempat duduk dan dua sofa satu tempat duduk.

"Berdasarkan maklumat, pasukan anggota JKDM dari

Cawangan Narkotik Ibu Pejabat menyita dua kontena bersaiz 40 kaki di Pelabuhan Barat, pada jam 9 malam, 6 Mac lalu.

"Hasil pemeriksaan ke atas dua kontena dengan bantuan Anjing Pengesanan Dadah (APD) menemukan anggaran 3.6 juta

biji disyaki pil captagon yang mengandungi dadah berbahaya jenis amphetamine dengan berat kasar 626 kilogram yang diangkut bernilai RM210 juta.

"Modus operandi sindiket adalah menyembunyikan pil berkenaan dalam ruangan (*compartment*) rahsia perabot sofa yang dijumpai dalam kontena berkenaan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Ikut bawa perabot

Beliau berkata, siasatan awal mendapati kontena berkenaan dilitikar membawa perabot dan masuk secara transit pada akhir tahun lalu dari sebuah negara di Timur Tengah.

Katanya, ia dipercayai mahu dieksport semula ke negara Asia Barat yang lain dan menjadikan negara ini sebagai transit.

"Kita percaya tujuan mereka transit ke negara ini adalah untuk mengaburi atau mengalih pandangan pihak berkuasa," katanya.

Beliau berkata, rampasan itu adalah yang terbesar bagi JKDM bagi tahun ini dan kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.